

Lelaki berdepan tuduhan miliki syabu

MIRI: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas tuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Willwright Gipi Robert Junda, 45, dari Lubai Tengah, Limbang telah didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12(3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai

seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, telah didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.6 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung di dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 4.30 petang, 30 April lalu di hadapan sebuah kedai makan di Pusat Bandar Baru Permyjaya di sini.

Walau bagaimanapun, tiada pengakuan salah tertuduh direkodkan.

Di hadapan mahkamah, pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk sebutan lanjut sementara menunggu laporan kimia berhubung barang kes siap.

Majistret Sandy Yvette Freddy yang mendengar kes itu membenarkan permohonan tersebut dan menetapkan 30 Mei ini untuk sebutan lanjut kes, manakala tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM2,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh sebutan tersebut.